

02 AUG 2001

PROGRAM KEMBARA PERINGKAT NEGERI PERAK DILANCAR

IPOH, 2 Ogos (Bernama) -- Hujan lebat di Dataran Ipoh hari ini tidak menghalang majlis pelancaran Program Kembara Merdeka 2001 peringkat negeri Perak itu yang masuk hari kedua selepas dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Pengerusi Perhubungan Sumber Manusia, Belia dan Sukan Negeri Datuk Jamal Nasir Rafi yang mewakili Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Tajol Rosli Ghazali.

Menteri Besar dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh Jamal menyeru rakyat supaya terus menghargai dan memelihara perpaduan yang wujud sejak 44 tahun negara mencapai kemerdekaan.

Menurutnya perpaduan tidak diwujudkan hanya dengan kata-kata tetapi oleh keazaman, usaha, hormat-menghormati dan tolak ansur serta mengelakkan perkara yang boleh menimbulkan pergeseran dan perselisihan.

Pada majlis itu juga Jamal turut menyampaikan Jalur Gemilang kepada wakil-wakil jabatan kerajaan serta memasang bendera negara itu pada 44 kenderaan awam yang diletakkan di sekitar Dataran Ipoh.

Lebih 500 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pelajar sekolah menghadiri majlis pelancaran itu.

Rombongan Kembara Merdeka terdiri daripada 74 peserta termasuk 20 wakil media memulakan kembara semalam dan dijangka berakhir di Dataran Merdeka pada 17 Ogos.

-- BERNAMA

MUN KK NJ ZS FAZ